

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)14

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

14. Bagaimanakah program i-Sejahtera yang telah lama dijalankan dapat terus dimanfaatkan oleh rakyat yang ketika ini terhenti akibat wabak COVID-19?
- (a) Setujukah Kerajaan Negeri jika saya katakan aplikasi *Whatapps* boleh mainkan peranan ketika ini?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Program i-Sejahtera merupakan salah satu inisiatif yang menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menjaga kebajikan rakyat di negeri Pulau Pinang. Di bawah program ini, bantuan kewangan yang diberikan adalah mensasarkan golongan yang memerlukan seperti ibu emas, ibu tunggal, dan golongan orang kurang upaya (OKU). Bantuan kewangan di bawah program i-Sejahtera disalurkan melalui dua (2) medium iaitu secara elektronik (EFT) atau secara tunai.

Kerajaan Negeri akan meneruskan pembayaran program i-Sejahtera secara EFT untuk penerima bantuan yang layak dan yang telah menyerahkan maklumat yang lengkap untuk diproses seperti salinan kad pengenalan dan salinan penyata akaun bank. Walau bagaimanapun, proses pembayaran secara tunai untuk program i-Sejahtera ditangguhkan bagi mengelakkan orang ramai berkumpul di sesuatu tempat yang boleh menyebabkan penularan wabak COVID-19 selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan hanya akan dilakukan selepas tempoh PKP berakhir.

(a) Kerajaan Negeri sentiasa bersifat terbuka kepada sebarang cadangan dan penambahbaikan dalam urusan pentadbiran kerajaan. Sehubungan itu, cadangan penggunaan aplikasi *WhatsApp* boleh dipertimbangkan.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan aplikasi *WhatsApp* untuk tujuan penghantaran dokumen seperti maklumat kad pengenalan, akaun bank dan sebagainya bagi urusan pendaftaran program i-Sejahtera perlu diperhalusi dengan lebih mendalam kerana dokumen tersebut perlu pengesahan berkenaan maklumat yang diserahkan.

Selain itu, penggunaan *WhatsApp* dalam urusan ini perlu penelitian kerana melibatkan dokumen sensitif dan data peribadi. Pelaksanaan kaedah ini tanpa kawalan mempunyai risiko maklumat tersebut disalah guna sekiranya tersebar kepada pihak yang tidak berkenaan dan perlu diteliti di peringkat proses i-Sejahtera tersebut.